

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

SEMINAR PERSURATAN PAHANG

Menjejak Warisan Pahang

**Manuskrip Negeri Pahang: Membicarakan
Tokoh Pengarang & Penyalin**

Oleh:
Dr. Jelani Harun

27 – 28 Oktober 2001

Tempat : Auditorium Taman Budaya, Kuantan

Anjuran Bersama:

**Jabatan Kebudayaan & Kesenian Pahang (JKKP)
Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP)**

Dengan Kerjasama

**Yayasan Pahang
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
Kerajaan Negeri Pahang**



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
S UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVE

MANUSKRIP NEGERI PAHANG
Membicarakan Tokoh Pengarang dan Penyalin

OLEH

JELANI HARUN

PENGENALAN

Budaya penulisan manuskrip yang muncul dan berkembang di Alam Melayu sekitar abad ke-14 hingga abad ke-19 meninggalkan sejumlah khazanah persuratan Melayu yang kaya dengan pelbagai maklumat tentang sejarah perkembangan tamadun bangsa Melayu. Daripada manuskrip-manuskrip tersebut tergambar corak sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakat Melayu yang diwarisi turun-temurun hingga ke hari ini. Sebahagian daripada manuskrip berkenaan telah pun menjadi bahan kajian para sarjana pengajian Melayu, ditransliterasi dan diterbitkan sebagai bahan bacaan umum. Manakala sebahagian besarnya pula masih berada dalam bentuk manuskrip jawi yang masih belum dibuat kajian dan analisis yang sewajarnya. Tulisan ini bermatlamat untuk membuat suatu sorotan umum tentang khazanah manuskrip negeri Pahang dan seterusnya membicarakan beberapa orang tokoh pengarang dan penyalin manuskrip yang berasal dari Pahang. Hal ini penting dilakukan sebagai usaha awal dalam penulisan sejarah dan budaya manuskrip negeri Pahang secara lebih tersusun pada masa hadapan.

Manuskrip negeri Pahang yang dimaksudkan dalam tulisan ini adalah manuskrip yang ditulis di negeri Pahang, menceritakan hal-ehwal yang berlaku di Pahang, dan sebaik-baiknya oleh pengarang yang berasal dari negeri Pahang. Justeru, sebuah manuskrip yang ditemui di Pahang tetapi diketahui telah ditulis di luar dari negeri Pahang dan oleh pengarang yang bukan kelahiran Pahang, maka dengan sendirinya tidak dapat

RSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI

dianggap sebagai khazanah manuskrip negeri Pahang. Sebaliknya, sebuah manuskrip yang ditemui di luar dari negeri Pahang, tetapi diketahui telah ditulis di Pahang oleh pengarang yang berasal dari negeri Pahang, maka manuskrip berkenaan adalah tergolong dalam khazanah manuskrip negeri Pahang.

Persoalan tentang asal-usul manuskrip penting diberi penekanan lantaran peristiwa-peristiwa berkaitan dengan pergerakan manuskrip masa silam yang sukar untuk ditentukan. Sesebuah manuskrip yang ditulis di negeri Pahang mungkin telah dibawa oleh orang-orang tertentu ke Kelantan, Terengganu, Johor, Riau, Patani atau ke tempat-tempat yang lain. Walaupun manuskrip berkenaan telah ditemui di tempat-tempat tersebut, hakikatnya manuskrip berkenaan adalah khazanah manuskrip negeri Pahang. Demikian juga, sesebuah manuskrip yang ditulis di Kelantan, Terengganu, Johor, Riau atau Patani mungkin telah dibawa masuk ke Pahang. Walaupun manuskrip berkenaan telah ditemui di Pahang, hakikatnya manuskrip berkenaan bukan hasil penulisan pengarang manuskrip negeri Pahang.

Kajian tentang manuskrip mempunyai hubungan secara terus dengan persoalan pengarang. Sehingga kini, penerokaan tentang identiti pengarang Melayu masih belum begitu meluas dilakukan. Banyak manuskrip telah dibicarakan oleh para peneliti tanpa maklumat dan pengetahuan yang jelas tentang pengarangnya. Malahan, karya-karya besar kesusasteraan Melayu seperti *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Hang Tuah*, *Merong Mahawangsa* atau *Hukum Kanun Melaka* masih belum diketahui identiti pengarangnya. Hal ini berkaitan dengan tradisi kepengarangan Melayu zaman silam yang tidak mencatatkan nama pengarang di dalam karya yang dihasilkan. Masalah ini turut berlaku dalam tradisi kepengarangan Melayu di Pahang. Terdapat beberapa buah karya dari negeri Pahang yang masih belum diketahui pengarangnya. Dalam konteks ini, penulis akan melebarkan makna pengarang Melayu dengan mengambilkira peranan yang

dimainkan oleh para penyalin manuskrip Melayu, lantaran mereka juga memerlukan kemahiran literasi dan keupayaan daya intelektual yang sebanding dengan para pengarang karya asal.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang khazanah manuskrip negeri Pahang masih sangat terbatas. Sehingga kini tidak banyak maklumat tentang manuskrip negeri Pahang yang diketahui telah dibuat secara teratur oleh para peneliti. Hal ini sangat berbeza dengan sumber maklumat tentang manuskrip yang terdapat di Kelantan, Terengganu, Johor, Perak, Kedah, Patani, Riau, Aceh dan beberapa tempat yang lain. Maklumat tentang senarai manuskrip di tempat-tempat yang berkenaan boleh diperolehi daripada pelbagai katalog yang telah diusahakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Serentak dengan itu, kajian tentang tokoh pengarang atau penyalin manuskrip negeri Pahang turut tidak begitu tersusun dan teratur sebagaimana sepatutnya.

Kenyataan di atas tidak pula bermakna bahawa senarai manuskrip di negeri Pahang langsung tidak pernah wujud. Kajian penulis mendapati usaha mengesan dan membuat senarai manuskrip yang terdapat di negeri Pahang telah pun dilakukan oleh beberapa pihak seperti berikut¹:

(a). Josselin De Jong (1980: 24-25), ada mencatatkan bahawa pada bulan Julai 1954, beliau telah berjaya mengesan sebanyak 30 buah manuskrip yang menjadi koleksi

¹ Antara maklumat awal pengumpulan manuskrip di negeri Pahang terdapat di dalam buku tulisan R.O. Winstedt berjudul *A History of Classical Malay Literature* (1969: 173). Di dalam buku tersebut ada dicatatkan bahawa Abdul Kadir, yakni bapa Abdullah Munshi, pernah ditugaskan oleh pihak Belanda di Batavia supaya pergi mengumpul manuskrip Melayu yang terdapat di Lingga, Riau, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Palembang. Walau bagaimanapun, maklumat lanjut tentang usaha Abdul Kadir tersebut tidak diketahui.

peribadi beberapa orang penyimpan di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang. Daripada jumlah manuskrip tersebut, empat buah adalah ditemui dalam simpanan seorang yang bergelar “Tengku” dalam keluarga diraja Pekan, Pahang. Manuskrip tersebut ialah *Syair Perang Pahang Dengan Johor*, *Sejarah Pahang*, *Bustan al-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*.

(b). Arifin Said (1987: 40-44), dalam kajiannya terhadap manuskrip Melayu yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, telah mencatatkan 6 buah salinan Al-Quran dan 9 buah manuskrip. Manuskrip-manuskrip berkenaan ialah 4 buah hikayat panji, 2 buah kitab tentang hukum Islam, 1 buah kitab perubatan, 1 buah kitab kebajikan dan 1 buah kitab nasihat. Keempat-empat hikayat panji tersebut ialah *Hikayat Temenggong Jaga Seteru*, *Hikayat Petrok Mungga Ratu*, *Hikayat Bambang Arjuna* dan *Hikayat Pendawa al-Bur*.

(c). Siti Hawa Haji Salleh (1997: 334-336), di dalam bukunya *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas* ada membuat satu kajian ringkas tentang “Koleksi Manuskrip Melayu di Negeri Pahang”. Di dalam kajian tersebut, ada dicatatkan bahawa dalam tahun 1987, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, telah menyerahkan 8 buah manuskrip kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Daripada senarai judul manuskrip yang dicatatkan jelas menunjukkan bahawa semua manuskrip yang telah disenaraikan oleh Ariffin Said (1987) telah diserahkan kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia.²

² Tiga buah cerita panji yang berasal dari Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, kini terdapat dalam koleksi manuskrip Perpustakaan Negara: *Hikayat Pendawa Al Bur* (MS 737), *Hikayat Petrok Mungga Ratu* (MS 738) dan *Hikayat Temenggong Jaga* (MS 739). Bagi manuskrip-manuskrip yang lain masih belum dapat dikesan.

(d). Maklumat terbaharu tentang manuskrip Pahang terdapat dalam laporan pengesanan manuskrip di Pahang oleh Puan Munazzah Zakaria yang termuat di dalam *Warkah Manuskrip Melayu* terbitan Perpustakaan Negara Malaysia (Julai-Disember 2000:2). Di dalam laporan tersebut ada dinyatakan senarai 7 buah manuskrip yang kini tersimpan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, iaitu *Hukum Kanun Pahang*, *Nazam Nabi Muhammad I*, *Nazam Nabi Muhammad II*, *Kitab Sembahyang*, *Kitab Tauhid*, *Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham* dan *Kitab Bahasa Nusantara*.³ Di samping itu, terdapat juga sebuah manuskrip *Kitab Bustan al-Salatin* (Bab VII) yang terdapat dalam simpanan peribadi Tuan Haji Yaakub Isa.

PERSOALAN PENGARANG

Di dalam keterangan manuskrip yang terdapat di Perpustakaan University Cambridge (Ricklefs & Voorhoeve, 1977: 119), ada dicatatkan sebuah manuskrip (Cod. Or. 833) tentang *Sejarah Pahang* yang telah ditulis oleh seorang “Peranakan Pahang” bertarikh 1885. Malangnya, identiti “Peranakan Pahang” tersebut tiada siapa yang mengetahuinya. Demikian juga halnya dengan pengarang *Syair Tanah Melayu iaitu Perang Pahang dan Johor Baharu* yang telah ditransliterasi oleh Yaakub Isa (1982: 42-139). Walaupun pengarang syair tersebut menyatakan dirinya sebagai “Peranakan Lingga” (pada bait 1035) tetapi pada bait 1029, pengarang tersebut ada mencatatkan tentang dirinya yang tinggal dan besar kemungkinan mengarang syair tersebut di negeri Pahang. Dengan kata lain, walaupun pengarang syair berkenaan berasal dari Lingga tetapi mungkin merupakan seseorang yang ada hubungan erat dengan istana Pahang sehingga berjaya mengarang

³ Penulis mengucapkan terima kasih kepada Encik Alaudin Abdullah di atas bantuan yang telah diberikan semasa penulis membuat kajian di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, pada September 2001. Walau bagaimanapun, penulis tidak berpeluang merujuk manuskrip-manuskrip yang terdapat dalam simpanan muzium berkenaan.

sebuah syair sejarah Pahang yang terperinci susunan peristiwanya (Yaakub Isa, 1982: 116):

Gundah hati bukan kepalang,
Jarang merasa hati yang senang,
Dagang nan duduk di negeri Pahang,
Adik dan kakak bertemu pun jarang.

Antara tokoh utama yang harus mendapat perhatian utama para peneliti ialah pengarang-pengarang daripada golongan diraja. Kajian Josselin de Jong (1980) di atas mencatatkan bahawa terdapat seorang pengarang (penyalin atau penyimpan?) manuskrip bergelar "Tengku" di istana Pekan, Pahang. R.O. Winstedt (1920: 39) pula, semasa menerbitkan transliterasi sebahagian daripada Fasal ke-13 Bab II *Bustan al-Salatin*, mencatatkan bahawa transliterasi tersebut berdasarkan sebuah salinan manuskrip milik seorang "Tengku Besar" di Pahang. Apakah "Tengku" yang dimaksudkan oleh Winstedt tersebut sama dengan "Tengku" yang ditemui oleh Josselin de Jong pada tahun 1954 kemudiannya? Hal-hal seperti ini perlu kajian lanjut daripada para peneliti. Golongan istana merupakan sumber pengarang atau penyalin manuskrip Melayu yang perlu dikenalpasti dan diketengahkan kepada masyarakat sebagai pewaris tradisi keintelektualan bangsa masa silam.

Salah seorang tokoh istana yang perlu diberi perhatian ialah Tengku Mariam Binti Almarhum Sultan Ahmad, sultan Pahang antara tahun 1882-1914. Pada 21 Julai 1913, Tengku Mariam telah berkahwin dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, yakni sultan Terengganu yang ke-13 (1920-1942). Perkahwinan tersebut telah membawa Tengku Mariam berpindah ke istana Terengganu dan kemudiannya menjadi Tengku Ampuan Terengganu. Dalam bidang kesenian dan kebudayaan, Tengku Mariam sangat diingati sebagai tokoh yang menghidupkan tradisi tarian gamelan Pahang.

Tengku Mariam dicatatkan pernah memiliki sejumlah besar manuskrip Melayu yang terdiri daripada pelbagai genre. Mohd. Yusof Abdullah (2001: 8-10) telah menyenaraikan 40 buah manuskrip yang dikatakan telah diserahkan oleh Tengku Mariam kepada pihak Muzium Negeri Terengganu. Tengku Mariam dikatakan menjadi pengarang kepada manuskrip *Salasilah Sultan Omar* dan beberapa buah syair pelayaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ke Jawa, Siam dan Medan. Di samping itu Tengku Mariam juga dikatakan menjadi penyalin beberapa buah manuskrip tentang *Hikayat Usul Majlis Perdana Alam* dan *Hikayat Ismayatim*. Daripada senarai manuskrip berkenaan, sekurangnya-kurangnya empat buah manuskrip sangat berkaitan dengan negeri Pahang, iaitu *Syair Perang Pahang* (LMN. TR. 1985. 9 & 10), *Syair Perkahwinan Dahulukala* (LMN. TR. A. 28), *Syair-Syair Tengku Ampuan Mariam* (LMN. TR. A. 30) dan *Joget Pahang dan Gamelan* (LMN. TR. A. 67).⁴

Penulis telah berkesempatan membuat kunjungan ke Muzium Terengganu pada bulan September 2001 untuk meneliti dua buah manuskrip syair *Syair Perang Pahang* (LMN.TR. 1985. 9 & 10). Walau bagaimanapun, kedua-dua buah manuskrip tersebut tidak dapat dirujuk kerana sedang dalam proses pemuliharaan. Sebagai gantinya, penulis telah diberikan merujuk dua buah manuskrip syair yang berjudul *Hikayat Perang Pahang* (MS 1989.15) dan *Syair Pahang* (MS 1982.268)⁵.

Hikayat Perang Pahang (MS 1989.15) berjilid baru kulit keras warna coklat dan sudah dipulihara dengan baik. Manuskrip terdiri daripada 62 halaman ditulis dengan tulisan jawi yang terang dan mudah dibaca. Pada bahagian kolofon tertera tarikh

⁴ Rujuk juga *Katalog Induk Manuskrip Melayu Di Malaysia* (1993) bahagian Muzium Negeri Terengganu pada halaman 13-14.

⁵ Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Rashid Hamat dan Cik Akma Awang di atas bantuan yang telah diberikan semasa penulis membuat rujukan manuskrip di Muzium Terengganu pada September 2001.

manuskrip tamat ditulis pada 1327 Hijrah. Sementara manuskrip *Syair Pahang* (MS 1982.268) pula terdiri daripada 71 halaman yang ditulis di dalam buku bergaris biru. Manuskrip masih dalam keadaan yang baik, berkulit keras dan ditulis dengan dakwat berwarna biru. Manuskrip bertarikh 27 Zulkaedah 1373 Hijrah bersamaan 27 haribulan Julai 1954.

Penelitian penulis mendapati kedua-dua buah manuskrip mengandungi isi yang sama, yakni, berkisar tentang peperangan saudara yang berlaku di Pahang. Ada kemungkinan manuskrip *Syair Pahang* adalah salinan daripada *Hikayat Perang Pahang*. Isi syair adalah berbeza daripada *Syair Tanah Melayu iaitu Perang Pahang dan Johor Baharu* yang telah ditransliterasi oleh Yaakub Isa (1982: 42-139). Walau bagaimanapun, kedua-dua buah manuskrip tidak mencatatkan nama pengarang atau penyalinnya. Menurut pihak Muzium Terengganu, syair-syair tersebut merupakan hasil karangan Tengku Mariam. Pandangan tersebut mungkin ada kebenarannya lantaran Tengku Mariam adalah merupakan kerabat diraja Pahang.

Walaupun bagaimanapun, sesebuah manuskrip yang menjadi milik Tengku Mariam tidak semestinya merupakan hasil tulisannya sendiri. Ada kemungkinan syair perang saudara di Pahang berkenaan merupakan hasil tulisan seorang pengarang dari negeri Pahang yang masih belum diketahui identitinya. Tengku Mariam hanya bertindak sebagai pemilik atau penyimpan manuskrip berkenaan sahaja. Demikian juga halnya dengan *Syair Perkahwinan Dahulukala* yang telah ditransliterasi sepenuhnya oleh Mohd. Yusof Abdullah (1990: 67-88). Menurutnya, syair tersebut adalah karangan Tengku Mariam di Istana Kolam Kuala Terengganu, bertarikh 23 November 1950. Penulis agak meragui kebenaran pandangan Mohd. Yusof Abdullah di atas.

Penelitian penulis terhadap transliterasi *Syair Perkahwinan Dahulukala* tidak menemui nama pengarang atau penyalinnya. Isi syair berkisar kepada adat-istiadat perkahwinan masyarakat Melayu, bermula daripada upacara merisik hinggalah ke majlis perkahwinan. Walau bagaimanapun, adat-istiadat yang dipaparkan adalah berkisar kepada perkahwinan masyarakat umum, sesuatu yang agak “kurang tepat” bagi seorang pengarang yang hidup dalam persekitaran istana Terengganu. Pengarang syair tersebut terasa begitu mesra dengan alam kehidupan masyarakat umum dan besar kemungkinan hidup dalam masyarakat umum berkenaan.

Justeru, penulis berpandangan, sudah sampai masanya, suatu kajian yang lebih terperinci dilakukan untuk mendapatkan satu kepastian yang lebih kukuh tentang kedudukan Tengku Mariam sebagai pengarang manuskrip Melayu. Seluruh manuskrip yang dikatakan pernah menjadi miliknya perlu diteliti semula. Kajian juga harus melibatkan soal-selidik tentang kehidupan Tengku Mariam di istana, termasuk tentang gaya tulisan dan penggunaan bahasanya. Malahan, kajian bukan sekadar terhadap karya-karya yang berkaitan dengan negeri Pahang, tetapi meliputi semua bentuk karya yang dikatakan hasil tulisan atau salinan oleh Tengku Mariam. Dengan cara ini, ketokohan Tengku Mariam sama ada sebagai pengarang atau penyalin akan dapat diketengahkan secara lebih ilmiah dan berwibawa.

Golongan alim ulama merupakan tokoh pengarang yang sangat penting dalam tradisi persuratan Melayu. Kajian yang telah dilakukan oleh Shafie Abu Bakar (1987) dan Abu Hassan Sham (1998) terhadap ulama-ulama dari Temerloh, khususnya Tuk Shihabuddin, merupakan satu contoh yang baik. Tuk Shihabuddin Bin Zainal Abidin (lahir 1728) dikatakan berasal dari Kampung Berhala Gantang, Temerloh, telah mengarang beberapa buah syair tasawuf seperti *Syair Asyiqin*, *Syair Usul*, *Syair Ghafilah*

dan *Syair Sifat Dua Puluh*.⁶ Malangnya, kedua-dua pengkaji tidak menyatakan sumber manuskrip syair yang telah digunakan untuk penelitian para pengkaji yang seterusnya. Demikian juga yang berlaku kepada tulisan Ariffin Said (1992:9). Menurutnya, terdapat sebuah syair berjudul *Syair Tumbuhan*, bertarikh kira-kira tahun 1680, yang dikatakan sebagai syair tertua negeri Pahang, tulisan Tuk Shihabuddin.⁷ Malangnya, sumber manuskrip tentang syair tersebut tidak pula dinyatakan.

Penemuan tokoh Tuk Shihabuddin sebagai ulama dan pengarang negeri Pahang harus terus dilakukan secara lebih tekun dan terperinci. Menurut catatan Abu Hassan Sham (1998: 8), Tuk Shihabuddin ada meninggalkan beberapa orang anak yang juga telah menjadi ulama dan pengarang di negeri Pahang masa lalu, antaranya ialah Tuan Teh, Nung Qadi, Haji Ibrahim, Qadi Ahamad dan Qadi Haji Ismail. Tuan Teh misalnya dikatakan menjadi pengarang kepada *Raudhatul Jinnan*, *Mukhtasar Imamul Barahin* dan *Kitab Perukunan*.

Kunjungan penulis ke ruang pameran manuskrip di Muzium Tokoh Kuantan mendapati sebuah manuskrip yang dikatakan hasil tulisan Tuan Muhammad Bin Shihabuddin Bin Zainal Abidin dari Kampung Berhala Gantang. Isi kandungan manuskrip adalah tentang ilmu fekah, tauhid, sejarah dan tasawuf.⁸ Seandainya manuskrip tersebut benar-benar merupakan hasil tulisan Tuan Muhammad Bin Shihabuddin, hal ini menjadi suatu sumber penyelidikan yang sangat penting. Biasanya

⁶ Petikan *Syair Ghafilah* kini menjadi sebahagian daripada karya pilihan dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tradisional STPM (*Warna Sari Sastera Melayu Tradisional*, 1996: 353-355).

⁷ Tarikh ini merupakan satu kesilapan kerana Tuk Shihabuddin dicatatkan lahir pada tahun 1728.

⁸ Terdapat catatan oleh pihak Muzium bahawa manuskrip tersebut adalah hadiah daripada Encik Zainal Abidin Bin Lebai Hassan, Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar, Pekan. Penulis tidak berpeluang meneliti manuskrip berkenaan.

seorang pengarang tidak hanya mengarang sebuah karya. Penulis berkeyakinan bahawa masih ada lagi hasil tulisan Tuan Muhammad yang belum ditemui.

Di dalam sebuah kertas kerja oleh Dato' Haji Mohd. Taib Haji Hassan (1992) tentang "Tokoh-Tokoh Ulama di Negeri Pahang" ada mencatatkan tentang tokoh ulama dan pengarang istana bernama Haji Uthman Bin Senik (lahir 1838), yakni Mufti Pahang pada zaman Sultan Ahmad. Antara kitab karangannya ialah *Kitab Majliatul Musalli*.⁹ Haji Uthman juga dikatakan mendalami ilmu hikmah (firasat) dan ilmu perubatan serta kepandaian membuat pelbagai jenis **makjun**. Beliau juga dikatakan pernah mengarang sebuah kitab tentang ilmu-ilmu tersebut yang masih belum ditemui hingga sekarang.

Ariffin Said (1987: 43), dalam keterangannya tentang sebuah manuskrip yang dinamakan sebagai "Kitab Ubat-Ubatan Melayu Lama" ada mencatatkan isi kandungan kitab tersebut yang terdiri daripada pelbagai petua ilmu perubatan tradisional berasaskan akar kayu yang terdapat di Pahang, termasuk juga jampi serapah dan cara-cara membuat **makjun**. Nama pengarang atau penyalin kitab berkenaan tidak diketahui kerana banyak halaman awal dan akhir yang telah hilang. Apakah ada kemungkinan kitab tersebut merupakan hasil tulisan Haji Uthman Bin Senik? Sebagaimana dinyatakan di atas, Haji Uthman mempunyai kepandaian membuat **makjun** dan telah menuliskan kepandaiannya di dalam sebuah kitab yang masih belum ditemui. Seandainya kemungkinan ini benar, maka manuskrip perubatan tersebut yang dicatatkan telah diserahkan kepada pihak Perpustakaan Negara harus diselidiki semula dan diketengahkan sebagai hasil tulisan ulama silam berkenaan.

⁹ Penulis tidak dapat memastikan sama ada kitab ini benar-benar wujud / telah dijumpai atau sebaliknya.

Hikayat Pahang merupakan salah sebuah karya sastera bercorak sejarah negeri Pahang yang sangat penting. Isi karya tersebut berkisar kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku di Pahang antara tahun 1800 hingga 1930-an, yakni dalam masa pemerintahan Bendahara Ali, Tun Mutahir dan Bendahara Tun Ahmad, termasuklah kisah perang saudara yang akhirnya membawa Tun Ahmad ke takhta kerajaan Pahang dan juga campur tangan kuasa Inggeris di Pahang.

Transliterasi dan penerbitan karya tersebut telah pun diusahakan oleh Kalthum Jeran (1986) berdasarkan manuskrip yang terdapat di Universiti Malaya. Nama pengarang atau penyalin manuskrip tersebut tidak diketahui. Sebagai perbandingan, Kalthum Jeran telah menggunakan sebuah lagi manuskrip, iaitu, manuskrip yang tersimpan di Arkib Negara. Menurutya (1986: iv), di akhir manuskrip tersebut terdapat catatan pengarang seperti berikut: “telah selesai fakir mengarang hikayat ini iaitu peranakan Pahang”. Catatan tersebut menunjukkan bahawa manuskrip yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara adalah tulisan atau salinan daripada seorang pengarang yang berasal dari negeri Pahang. Menurut Yaakub Isa (1982: 42), di Muzium Sultan Abu Bakar terdapat sebuah manuskrip *Hikayat Pahang*. Hal ini menunjukkan bahawa masih ada salinan lain *Hikayat Pahang* yang masih belum diketengahkan kepada khalayak umum.

Suatu kajian penting tentang *Hikayat Pahang* dapat dibaca dalam Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992). Di dalam kajian tersebut, Muhammad Yusoff Hashim ada mencatatkan tentang satu sumber lisan yang diperolehinya daripada Dato' Zakaria Hitam pada tahun 1986 tentang nama pengarang *Hikayat Pahang* sebagai Haji Muhammad Noor. Sumber lisan tersebut merupakan satu penemuan yang sangat penting dan perlu diberi perhatian lanjut oleh para peneliti sejarah persuratan Pahang. Penulis telah meneliti semula *Hikayat Pahang* dan mendapati ada beberapa asas yang wajar

untuk menduga Haji Muhammad Noor sebagai pengarang hikayat berunsur sejarah berkenaan:

- a. Nama Haji Muhammad Noor hadir dalam sebahagian besar daripada kisah yang terdapat di dalam *Hikayat Pahang* berkenaan, yakni, dari bahagian awal hingga ke akhir kisah yang diceritakan.
- b. Perwatakan Haji Muhammad Noor digambarkan sebagai seorang pahlawan perang yang berani, gagah perkasa dan penuh taat setia terhadap sultan, yakni, Sultan Ahmad. Peribadi Haji Muhammad Noor juga dilukiskan dengan pelbagai sifat kemuliaan. Sultan Ahmad dan Haji Muhammad Noor kelihatan tampil sebagai watak utama di dalam penulisan *Hikayat Pahang*.
- c. Di dalam *Hikayat Pahang* (1986: 54) ada dicatatkan bahawa Haji Muhammad Noor pernah dilantik sebagai kerani (jurutulis / setiausaha) di istana: “Syahadan Yang Maha Mulia bertambah-tambah kasih kepada Tok Kaya Tuit Chenor. Sekalian kehendaknya berlakulah. Dan Yang Mulia berkenan kepada Haji Muhammad Noor, akan diambil dimasukkan ke dalam jawatan negeri menjadi kerani...”

Malahan, terdapat beberapa peristiwa di dalam *Hikayat Pahang* yang menunjukkan tugas Haji Muhammad Noor yang berkaitan dengan tugas-tugas kesetiausahaan, urusan surat-menyurat dan persembahan utusan kepada sultan Pahang.

Pada pandangan penulis, tempoh masa pemerintahan Sultan Ahmad merupakan suatu tempoh masa yang sangat penting dalam menduga tarikh kelahiran *Hikayat Pahang*. Adalah suatu kebiasaan bagi pengarang istana zaman silam untuk menulis sesuatu yang dapat menceritakan kebesaran dan kehebatan raja yang sedang memerintah. Sultan Ahmad menjadi sultan Pahang setelah menempuh suatu perjuangan yang panjang dan banyak mengorbankan nyawa. Setelah peperangan tamat, ada kemungkinan pembesar atau pengarang tertentu telah mengarang atau dititahkan mengarang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Dalam konteks ini, besar kemungkinan pengarang yang mengambil tanggungjawab tersebut ialah Haji Muhammad Noor, bersesuaian dengan kedudukannya sebagai pahlawan, pembesar dan jurutulis di istana Sultan Ahmad ketika itu.

Siapakah sebenarnya Haji Muhammad Noor?

Dalam meneliti persoalan di atas, penulis telah berpeluang membaca sebuah salinan manuskrip salasilah keturunan Haji Mohammad Noor yang terdapat dalam simpanan salah seorang cicitnya.¹⁰ Salinan manuskrip tersebut terdiri daripada satu senarai salasilah keturunan yang panjang lebar dan dimulai dengan tajuk: “Keturunan salasilah yang bersejarah di dalam abad yang ketujuh belas”. Berdasarkan salasilah tersebut jelas menunjukkan bahawa suatu kajian yang lebih terperinci tentang sejarah Haji Muhammad Noor dapat dilakukan oleh para penyelidik masa kini. Hakikat tentang keturunan Haji Muhammad Noor yang masih berada di Pahang hingga kini turut merupakan sumber penyelidikan yang cukup berharga. Hanya dengan kajian yang terperinci demikian akan melahirkan keputusan-keputusan yang lebih tepat tentang Haji Muhammad Noor sebagai pengarang *Hikayat Pahang*. *Hikayat Pahang* tersebut akhirnya menjadi karya induk tentang sejarah perang saudara yang telah berlaku di Pahang. Daripada karya induk tersebut kemudian diadaptasi ke bentuk syair oleh pengarang-pengarang syair yang terkemudian seperti *Syair Perang Pahang* atau pun *Syair Tanah Melayu*.

PERSOALAN PENYALIN

Dalam konteks tradisi, penyalin manuskrip juga mempunyai kedudukan yang tidak kurang penting berbanding dengan pengarang sebenar. Penyalin manuskrip juga memerlukan kemahiran literasi dan daya keintelektualan yang tinggi sebagaimana

¹⁰ Penulis mengucapkan terima kasih kepada Encik Aziz Bin Abdul Majid Bin Haji Abdul Rahman Bin Haji Muhammad Noor atas bantuan dan maklumat yang diberikan tentang salasilah Haji Muhammad Noor. Encik Aziz kini bertugas sebagai pensyarah di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

seorang pengarang. Dalam keadaan yang tertentu, penyalin juga dapat dianggap sebagai pengarang manuskrip, lantaran pelbagai tokok-tambah yang dilakukan terhadap manuskrip asal. Tradisi penyalinan manuskrip turut berlaku di negeri Pahang. Karya-karya seperti hikayat-hikayat panji, *Hukum Kanun Pahang*, *Hikayat Hang Tuah* atau *Bustan al-Salatin* adalah nyata bukan karya asal sebaliknya merupakan salinan. Justeru, para penyalin manuskrip juga merupakan tokoh-tokoh penulis penting yang perlu diteliti dan dikenalpasti oleh para penyelidik persuratan Melayu di negeri Pahang.

Hukum Kanun Pahang misalnya merupakan salah sebuah karya undang-undang yang sangat penting dalam sejarah persuratan Pahang. Karya tersebut dicatatkan telah ditulis pada zaman Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Syah, sultan Pahang antara 1592-1614. Pengarang sebenar karya tersebut tidak diketahui. Walau bagaimanapun, karya undang-undang tersebut besar kemungkinan telah ditulis oleh salah seorang pembesar di istana Pahang zaman Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Syah. Kewujudan karya berkenaan menjadi suatu bukti tentang wujudnya pengarang besar dalam sejarah persuratan Pahang yang mempunyai pengetahuan tentang sejarah, adat-istiadat dan undang-undang negeri Pahang. Dari segi isinya, *Hukum Kanun Pahang* mempunyai beberapa ciri persamaan dengan *Hukum Kanun Melaka* di samping tidak kurang pula memiliki pelbagai ciri yang tersendiri.

Sebelum ini, sekurang-kurangnya tiga buah manuskrip salinan karya tersebut telah ditemui yang dinamai sebagai Naskhah A, Naskhah B dan Naskhah C. Naskhah A dan B kini tersimpan di Royal Asiatic Society, London, sementara Naskhah C di Muzium Perak (rujuk Abu Hassan Sham, 1995: 48-68). Naskhah A dan B besar kemungkinan disalin di negeri Perak untuk pegawai Inggeris yang bertugas di Perak ketika itu, iaitu Sir William Maxwell (Naskhah A) dan Mr. Leech (Naskhah B). Sementara Naskhah C pula dikesan telah disalin di Pahang untuk Hugh Clifford yang bertugas sebagai Residen

Inggeris di Pahang ketika itu. Nama penyalin berkenaan tidak diketahui. Walau bagaimanapun, hal ini sekali lagi menunjukkan bahawa wujudnya tokoh-tokoh penyalin Melayu yang mempunyai keupayaan literasi dan daya keintelektual yang tinggi pada masa itu.

Di Muzium Sultan Abu Bakar terdapat sebuah lagi manuskrip *Hukum Kanun Pahang* (Naskhah D). Menurut Mohamad Mokhtar Abu Bakar (1997: 1), manuskrip naskhah tersebut “diperolehi daripada seorang penjual barang-barang antik yang mendapatinya daripada Patani”. Manuskrip terdiri daripada 104 halaman, berukuran 17 sm x 22 sm dan bertulis dengan dakwat hitam. Sebahagian daripada manuskrip tersebut telah pun ditransliterasi oleh Yaakub Isa. Walau bagaimanapun, di samping kepentingan untuk mengetahui isi kandungan karya berkenaan, para peneliti juga harus memberi tumpuan kepada penerokaan tentang identiti penyalinnya. Manuskrip yang ditemui di Patani tidak semestinya ditulis/ disalin di Patani. Ada kemungkinan manuskrip penting tentang perundangan negeri Pahang tersebut merupakan tulisan atau salinan oleh penyalin yang berasal dari negeri Pahang sendiri.

KESIMPULAN

Sehingga kini, nama-nama seperti Tuk Shihabuddin, Haji Uthman Bin Senik, Tuan Muhammad Bin Shihabuddin, Haji Muhammad Noor dan Tengku Mariam adalah beberapa nama yang telah dikenalpasti sebagai pengarang manuskrip negeri Pahang. Suatu kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan terhadap tokoh-tokoh pengarang tersebut untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut tentang kegiatan kepengarangan mereka. Di samping itu, kajian yang lebih terperinci juga sangat diperlukan dalam meneliti identiti penyalin-penyalin manuskrip negeri Pahang. Misalnya, apakah ada

kemungkinan Haji Uthman Bin Senik selaku Mufti kepada Sultan Ahmad turut terlibat dalam penyalinan *Hukum Kanun Pahang*?

Usaha awal ke arah kajian tentang pengarang dan penyalin manuskrip negeri Pahang harus dimulai dengan aktiviti pengumpulan manuskrip. Penulis yakin masih banyak khazanah manuskrip negeri Pahang yang tersimpan dalam koleksi peribadi-peribadi tertentu di negeri Pahang termasuk daripada golongan istana. Di samping itu, satu usaha yang bersungguh-sungguh harus dilakukan untuk mengumpul manuskrip daripada simpanan orang ramai. Berdasarkan manuskrip yang terkumpul, suatu rumusan yang lebih berwibawa akan dapat dilakukan tentang suasana keilmuan dan keintelektualan masyarakat negeri Pahang zaman silam, dan seterusnya bakal menemukan tokoh-tokoh pengarang atau penyalin manuskrip negeri Pahang yang telah memberikan sumbangan besar dalam proses pembangunan negeri Pahang hingga ke hari ini.

LAMPIRAN

Senarai A

[Karya hasil tulisan pengarang negeri Pahang]

GENRE SEJARAH

Hikayat Pahang, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

Hikayat Perang Pahang / Syair Pahang (Muzium Negeri Terengganu). Pengarang tidak diketahui.

Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu karangan Peranakan Lingga yang tinggal di negeri Pahang (cap batu Singapura, 1900).

Geneologi Raja-Raja Pahang (MS Or. 833, University Cambridge) karangan Peranakan Pahang.

Sejarah Pahang milik Tengku Besar Pahang (MS tidak diketahui).

Syair Perang Pahang Dengan Johor milik Tengku Besar Pahang (MS tidak diketahui).

GENRE UNDANG-UNDANG

Hukum Kamun Pahang. Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

GENRE KITAB

Kitab Majliatul Musalli karangan Tuan Haji Uthman Senik (MS tidak diketahui).

Sebuah kitab fekah, tauhid dan tasawuf karangan Tuan Muhammad Bin Shihabuddin Bin Zainal Abidin, Kampung Berhala Gantang (manuskrip di Muzium Tokoh Kuantan).

Dua buah kitab tentang hukum Islam (Perpustakaan Negara Malaysia). Pengarang tidak diketahui.

Kitab sembahyang, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

Kitab Tauhid, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

GENRE TASAWUF

Syair Asyiqin, Syair Usul, Syair Ghafilah, Syair Sifat Dua Puluh karangan Tuk Shihabuddin (MS tidak diketahui).

Syair Tumbuhan karangan Tuk Shihabuddin (MS tidak diketahui).

Dua buah *Nazam Nabi Muhammad*, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

UMUM

Ilmu hikmah (firasat) dan *Ilmu perubatan* karangan Haji Uthman Senik (MS tidak diketahui).

Syair-Syair Tengku Ampuan Mariam dan Joget Pahang & Gamelan kemungkinan tulisan Tengku Ampuan Mariam (manuskrip di Muzium Negeri Terengganu).

Kitab Bahasa Nusantara, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Pengarang tidak diketahui.

Sebuah karya tentang kebajikan (Perpustakaan Negara Malaysia). Pengarang tidak diketahui.

Sebuah karya nasihat dan pedoman (Perpustakaan Negara Malaysia). Pengarang tidak diketahui.

Senarai B

[Salinan karya yang telah ditemui di Pahang]


Hikayat Temenggong Jaga Seteru, Hikayat Petrok Mungga Ratu / Hikayat Bambang Arjuna dan Hikayat Pendawa al-Bur (Perpustakaan Negara Malaysia). Penyalin tidak diketahui.

Hikayat Hang Tuah milik Tengku Besar Pahang (MS tidak diketahui)


Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham, Muzium Sultan Abu Bakar (belum dikatalog). Penyalin tidak diketahui.

Bustan al-Salatin milik Tengku Besar Pahang (MS tidak diketahui).

Bustan al-Salatin (Bab VII) milik Tuan Haji Yaakub Isa, Kuantan, Pahang.



Salasilah Haji Muhammad Noor Berdasarkan Salinan Sebuah Manuskrip



10 Hijrat al-nabi rasul yang indah,
Seribu tiga ratus kepada jumlah,
Dua puluh enam mengarang sempurna helah,
Bilangan Islam demikian itulah.

11 Kata orang empunya peri,
Akan baginda mahkota negeri,
Sultan Ahmad nama gelari,
Turun-temurun kerajaan sendiri.

12 Zuriat kelima jadi khalifah,
Menjadi raja bergelar sudah,
Keturunan daripada sultan yang sah,
Takhta kerajaan ini perintah.

13 **Marhum Ali** paduka ayahanda,
Pahang Negara konon namanya,
Lengkap sekalian hulubalang menterinya,
Serata jajahan daerah takluknya.

14 Di dalam negeri limpah dan makmur,
Jajahan takluk barat dan timur,
Perenggannya sampai sempadan Johor,
Negeri Melayu wartanya masyhur.

15 Ada pun akan sultan bistari,
Sikap pahlawan lagi ugahari,
Tiga kali perangnya negeri,
Adik-beradik sama sendiri.

16 Telah berlaku iradat Tuhan,
Sama sendiri bangkit pergaduhan,
Janji dan takdir sudah demikian,
Oleh kerana menuntut kebesaran.

17 Mengikut perang baginda sendiri,
Bersama-sama hulubalang menteri,
Sedikit tidak takut dan ngeri,
Ke dalam tentera menyerbukan diri.

18 Berapa pula orang pilihan,
Sudah biasa perang di medan, /halaman 3/
Orang diharap paduka sultan,
Gagah berani sudah kelihatan.

19 **Sultan Ahmad** ini sekarang,
Beroleh negeri menang berperang,
Ialah memiliki kerajaan Pahang,
Wartanya masyhur disebut orang.

BIBLIOGRAFI

- Abu Hassan Sham. 1992. "Peraturan dan Hukum Kanun di Pahang Dari Zaman Melaka Sehingga Pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiddin Shah (1590-1614)" Kertas Kerja *Seminar Sejarah Pahang*, 16-19 April 1992, Dewan Majlis Perbandaran Kuantan, anjuran Yayasan Pahang, Persatuan Sejarah Pahang dan Muzium Negeri Pahang.
- 1998. "Kitab Jawi Berunsur Tasawwuf dan Pengajiannya di Temerloh" dalam *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Halaman 1-10.
- Abu Hassan Sham & Mariyam Salim. 1995. *Sastera Undang-Undang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ariffin Said. 1987. "Manuskrip Melayu Lama di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur" *Pahang Dalam Sejarah* (2). Halaman 40-44.
- 1992. "Syair Tumbuhan: Satu Kajian Struktural serta Melihat Unsur Islam di Dalamnya" *Pahang Dalam Sejarah* (5). Halaman 9-25.
- Haji Buyung Adil. 1984. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Josselin De Jong. 1980. "Privately Owned Malay Manuscripts in Malaya" *Indonesia Circle* (18). Halaman 24-31.
- Hikayat Pahang* (susunan Kalthum Jeran). 1986. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti.
- Katalog Induk Manuskrip Melayu di Malaysia*. 1993. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Mokhtar Haji Abu Bakar. 1997. "Hukum Kanun Pahang". *Pahang Dalam Sejarah* (7). Halaman 1-42.
- Mohd. Taib Haji Hassan, Dato' Haji. 1992. "Tokoh-Tokoh Ulamak di Negeri Pahang Darul Makmur" Kertas Kerja *Seminar Sejarah Pahang*, 16-19 April 1992, Dewan Majlis Perbandaran Kuantan, anjuran Yayasan Pahang, Persatuan Sejarah Pahang dan Muzium Negeri Pahang.
- Mohd. Yusof Abdullah. 1990. "Syair Perkahwinan Dahulukala" *Pesaka* (VI). Halaman 67-88.
- 2001. "Naskhah-Naskhah Kesultanan Melayu di Muzium Negeri Terengganu" Kertas Kerja *Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu*, 2-5 Julai 2001, Hotel Quality, Kuala Lumpur.
- Muhammad Yusuff Hashim & Aruna Gopinath. 1992. *Tradisi Persejarah Pahang Darul Makmur 1800-1930*. Petaling Jaya. Tempo Publishing.
- Ricklefs, M.C. & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Oxford University Press.

Shafie Abu Bakar. 1987. "Identiti Keislaman di Pahang: Naskhah-Naskhah Keislaman yang ditemui di Temerloh dan kaitannya dengan Tuk Shihabuddin Bin Zainal Abidin" dalam *Warisan Sastera Pahang Darul Makmur* (susunan Abu Hassan Sham). Kuala Lumpur. Gapena. Halaman 91-106.

Siti Hawa Haji Salleh. 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Warkah Manuskrip Melayu (Julai-Disember 2001). Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.

Warna Sari Sastera Melayu Tradisional. 1996. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Fajar bakti.

Winstedt, R.O. 1920. "The Genealogy of Malacca's Kings from a copy of the *Bustanaus Salatin*" *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (82). Halaman 39-47.

..... 1969. *A History of Classical Malay Literature*. London. Oxford University Press.

Yaakub Isa. 1982. "Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu: Suatu Pandangan Awal dan Penurunan Semula Teks" *Pahang Dalam Sejarah* (1). Halaman 42-139.

..... 2001. "Naskhah Melayu Lama Tentang Kerajaan Pahang" Kertas Kerja *Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu*, 2-5 Julai 2001, Hotel Quality, Kuala Lumpur.